



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut

Mata Pelajaran Vokasional

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut

Mata Pelajaran Vokasional

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum

SEPTEMBER 2018

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum	12
Pentaksiran Bilik Darjah.....	15

Organisasi Kandungan.....	18
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	
1.0 Pengurusan Salun.....	23
2.0 Konsultasi Perkhidmatan Estetik.....	24
3.0 Rawatan Muka.....	26
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	
4.0 Solekan Muka.....	31
5.0 Pengayaan Rambut.....	33
6.0 Keusahawanan.....	35
Panel penggubal.....	37
Penghargaan.....	38



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut (PMPR) merupakan mata pelajaran elektif dalam kelompok Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM) yang digubal untuk murid Tingkatan 4 dan 5. KSSM MPV PMPR menyediakan murid yang berpengetahuan dan berkemahiran asas profesional bidang pekerjaan teknikal dan vokasional seiring dengan perkembangan teknologi serta menyumbang kepada keperluan tenaga kerja separa mahir ke arah mencapai matlamat negara maju.

KSSM MPV PMPR berfokuskan kepada aspek kemahiran, pengetahuan dan nilai berkaitan bidang Kosmetologi dalam kerja pengurusan salon, konsultasi perkhidmatan estetik, rawatan muka, solekan muka dan penggayaan rambut di samping mengamalkan nilai dan etika profesional. Kemahiran spesifik pekerjaan dirangka secara modular bagi memenuhi keperluan industri. Kemahiran Generik asas juga diutamakan bagi membentuk sahsiah dan membangunkan karakter yang mantap.

KSSM MPV PMPR memberi penekanan kepada asas pengetahuan berteraskan penggabungan domain pengetahuan dan kompetensi kemahiran spesifik vokasional dengan menerapkan aspek keselamatan, teknologi hijau dan keusahawanan berlandaskan keperluan industri dan perkembangan teknologi baharu. Ia dilaksanakan secara bersepadu dengan mengintegrasikan elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai bidang Kosmetologi serta perkembangan seimbang intelek, emosi, rohani dan jasmani. Pendekatan KSSM MPV PMPR mengambil kira aspek pemerhatian, maklum balas dan pengalaman melalui proses PdP.

Penggubalan Kurikulum ini diselarikan dengan kemahiran Abad Ke-21 (PAK-21) yang menjadi elemen penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi memberi peluang kepada murid untuk mengalami pembelajaran berpusatkan murid yang melibatkan aktiviti perbincangan, penyelesaian masalah dan penghasilan idea yang kreatif melalui kerja projek atau amali ke arah melahirkan insan yang mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

MATLAMAT

KSSM MPV PMPR bermatlamat untuk melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berkemahiran serta mempunyai nilai dan etika profesional sebagai Juru Estetik dan Juru Gaya rambut yang berupaya menjana idea kreatif dan inovatif serta boleh menjalankan perniagaan sendiri, bekerja dalam industri kecantikan dan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, seterusnya dapat memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan negara.

OBJEKTIF


KSSM MPV PMPR bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Menyelenggara dan menggunakan bahan, alatan, perkakasan, lekapan dan kelengkapan bidang kosmetologi dengan kreatif dan berprinsipkan ergonomik.
2. Menguruskan bahan dan sumber bidang kosmetologi dengan rasional di samping menjaga kelestarian alam sekitar.
3. Mengamalkan etika profesional dan komunikasi berkesan semasa mengendali pelanggan dan menyampaikan konsultasi perkhidmatan estetik.
4. Menghasilkan perkhidmatan estetik mengikut teknik dan prosedur di samping mempraktikkan amalan kerja yang baik dan selamat.
5. Menganalisis bentuk muka pelanggan dan menghasilkan solekan kreatif mengikut majlis.
6. Mencadang dan menghasilkan pengayaan rambut kreatif mengikut majlis.
7. Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk membuat pertimbangan dan keputusan yang wajar dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan estetik.
8. Mempraktikkan kreativiti dalam kerja perkhidmatan estetik dan menyelesaikan masalah berdasarkan situasi.
9. Mengamalkan ciri usahawan berjaya dalam merancang dan melaksanakan projek keusahawanan bidang kosmetologi.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan

membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSM MPV PMPR digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM MPV PMPR berfokus kepada pembangunan murid yang berprofil abad ke-21 untuk menghadapi persaingan industri tempatan dan global. Aspek pengetahuan dan kemahiran teknikal dan vokasional, kemahiran generik (kebolehkerjaan) serta nilai dan etika profesional diintegrasikan dalam kandungan KSSM MPV PMPR bagi memperkembangkan minat dan potensi murid dan melahirkan Juru Estetik dan Juru Gaya Rambut yang profesional di samping memupuk keseimbangan dalam pembangunan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kandungan KSSM MPV PMPR berfokus kepada empat komponen utama iaitu:

1. Pengetahuan

Murid dilatih untuk menguasai aspek pengetahuan dalam mengurus salon, menyampaikan konsultasi perkhidmatan estetik, merawat muka, menyolek muka, menggayakan rambut dan menjadi seorang usahawan berjaya. Murid akan mengaplikasikan pengetahuan bidang kosmetologi dalam merancang, menganalisis, menilai dan menyelesaikan masalah semasa menjalankan kerja amali di samping mengamalkan budaya kerja yang selamat dan menjaga kelestarian alam sekitar.

2. Kemahiran

Murid dilatih untuk menguasai kompetensi mengurus salon, memberi konsultasi perkhidmatan estetik, merawat muka, menyolek muka, menggayakan rambut dan menjadi seorang usahawan berjaya. Murid akan melaksanakan langkah kerja bermula dari persediaan dan pelaksanaan sehingga menghasilkan perkhidmatan atau keputusan mengikut spesifikasi atau prosedur yang ditetapkan.

3. Sikap / Nilai

Murid dilatih untuk mengamalkan sikap atau nilai terhadap keselamatan dan persekitaran dengan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi memastikan keselamatan diri dan pelanggan serta alatan, perkakasan dan kelengkapan salon.

4. Kemahiran Generik

Murid dilatih untuk menguasai kemahiran teras seperti mengurus diri dan maklumat; merancang dan mengurus sumber dan aktiviti kerja; memimpin, melakukan kerja dan menjalin komunikasi dalam pasukan; mengadaptasi dan menyelesaikan masalah serta mengamalkan integriti dan etika profesional semasa bekerja.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam KSSM MPV PMPR menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam KSSM secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyooalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dan bersesuaian dengan kemahiran yang diajar memainkan peranan penting untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan sesuai dengan keperluan murid yang pelbagai latar belakang dan kebolehan.

Pelaksanaan PdP juga menjurus kepada pencapaian standard pembelajaran berdasarkan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21. Guru merangsang murid dalam proses PdP melalui aplikasi kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, menyelesaikan masalah, menganalisis, mengkonsepsi, membuat refleksi, menginovasi dan mencipta sesuatu yang baharu. Aktiviti PdP juga memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid seperti inkuiri dan berasaskan projek. Murid juga dirangsang dengan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif melalui proses PdP serta menekankan kemahiran berfikir aras tinggi. Guru juga perlu menerapkan elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pemikiran komputasional serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP.

Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif merupakan pendekatan yang mementingkan kerjasama dan mengkehendaki murid

menyampaikan idea dalam kumpulan kecil. Pendekatan ini boleh dilaksanakan oleh guru dengan memberi tugas kepada kumpulan-kumpulan yang telah dikenal pasti. Murid boleh bertukar pendapat atau idea semasa aktiviti PdP secara kumpulan untuk menggalakkan mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Semua ahli kumpulan akan menyumbang pengetahuan, pendapat, kemahiran untuk menyelesaikan masalah bersama.

Konstruktivisme

Pembelajaran secara konstruktivisme ialah satu kaedah di mana murid dapat membina sendiri pengetahuan atau konsep baru secara aktif berdasarkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman yang telah diperolehi dalam PdP. Melalui pembelajaran konstruktivisme murid menjadi lebih kreatif dan inovatif. Murid akan mengumpul data, memproses maklumat dan pengetahuan semasa mengenai sesuatu perkara untuk membina pengetahuan atau konsep yang baru.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu aktiviti bilik darjah yang memerlukan jangka masa yang panjang, mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu, berpusatkan murid dan

menghubungkan pengalaman kehidupan sebenar. Pengetahuan dan kemahiran akan dibina sepanjang proses mereka menghasilkan projek antaranya membina model, menghasilkan folio dan kertas cadangan, laporan hasil ujikaji, lawatan ke lapangan dan sebagainya. Mereka juga boleh meneroka atau membuat kajian terhadap sesuatu perkara melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri adalah pendekatan PdP yang berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui pendekatan ini murid diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri serta dapat mempertingkatkan tahap penguasaan pembelajaran. Pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu konsep adalah sangat penting bagi memastikan sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan itu dilaksanakan dengan betul.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pembelajaran Berasaskan Masalah merupakan satu kaedah pembelajaran berdasarkan masalah sebenar dan murid dapat menyelesaikan masalah dengan keupayaan mereka sendiri. Kaedah ini boleh dijalankan secara kolaboratif dan berpusatkan murid. Murid perlu mengenal pasti masalah, mencari kaedah

penyelesaian, melaksanakan operasi penyelesaian masalah dan menilai kaedah penyelesaian masalah yang digunakan. Kaedah ini memerlukan penglibatan aktif murid untuk menyelesaikan masalah dengan meneroka ilmu dari pelbagai disiplin menggunakan pelbagai sumber dan teknologi. Guru berperanan sebagai fasilitator dengan memberi panduan kepada murid dalam proses penyelesaian sesuatu masalah pada peringkat awal sesuatu projek.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan satu pendekatan di mana murid membina pengetahuan dan kefahaman sendiri melalui penyiasatan dan penerokaan berasaskan pengetahuan sedia ada. Pelaksanaan pembelajaran ini adalah melalui pelbagai pendekatan seperti pembelajaran berasaskan projek, penyiasatan saintifik, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif bagi melahirkan murid yang berilmu dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi. Proses PdP berasaskan inkuiri berfokus kepada *learning by doing* yang melibatkan murid melaksanakan aktiviti penerokaan, penyiasatan, penyoalan, berfikir secara reflektif dan penemuan ilmu baharu.

Pembelajaran ini membolehkan murid mengaplikasikan kemahiran berfikir seperti mengingat, mengaplikasi, menganalisis, mensintesis, membuat ramalan dan menilai suatu perkara atau tugas. Pendekatan ini mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta meningkatkan kefahaman tentang suatu konsep dan kemahiran.


Melalui pembelajaran berasaskan inkuiri, murid diberi pendedahan dan pengetahuan tentang kaedah membuat refleksi, memantau keupayaan menggunakan suatu strategi, kemahiran membuat keputusan dan tindakan susulan. Pembelajaran berasaskan inkuiri sesuai digunakan semasa PdP KSSM MPV PMPR bagi unit yang memerlukan murid menghasilkan suatu reka bentuk projek. Guru akan memberi suatu senario kes yang memerlukan murid berbincang dan mengenalpasti masalah yang perlu diselesaikan melalui cadangan reka bentuk produk kejuruteraan. Aktiviti ini dapat melatih murid membentuk konsep, mengumpulkan fakta, merangsang kemahiran berfikir aras tinggi, mempraktikkan kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran membuat keputusan.

Pembelajaran Kendiri

Pembelajaran kendiri ini terdiri daripada empat pendekatan iaitu terarah kendiri (Self-Directed), kadar kendiri (Self-Paced), akses kendiri (Self-Access), dan pentaksiran kendiri (Self-Assessment). Strategi ini berfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Murid mampu mengakses bahan-bahan pembelajaran seperti modul, laman sesawang, video interaktif dan dapat mentaksir pembelajaran sendiri. Strategi ini membolehkan murid menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran, lebih yakin dan tekun untuk mencapai standard pembelajaran yang dihasratkan.

Pendekatan STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics)

Pendekatan STEM ialah PdP yang mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM melalui inkuiri, penyelesaian masalah atau projek dalam konteks kehidupan harian, alam sekitar dan masyarakat tempatan serta global seperti dalam Rajah 3.



Rajah 2: Pendekatan STEM dalam PdP

PdP STEM yang kontekstual dan autentik dapat menggalakkan pembelajaran mendalam dalam kalangan murid. Murid boleh bekerja secara berkumpulan atau secara individu mengikut kemampuan murid ke arah membudayakan pendekatan STEM dengan mengamalkan perkara-perkara seperti berikut:

A
M
A
L
A
N
S
T
E
M

1. Menyoal dan mengenal pasti masalah.
2. Membangunkan dan menggunakan model.
3. Merancang dan menjalankan penyiasatan.
4. Menganalisis dan mentafsirkan data.
5. Menggunakan pemikiran matematik dan pemikiran komputasional.
6. Membina penjelasan dan mereka bentuk penyelesaian.
7. Melibatkan diri dalam perbahasan dan perbincangan berdasarkan eviden.
8. Mendapatkan maklumat, menilai dan berkomunikasi tentang maklumat tersebut.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan kos perkhidmatan, bayaran perkhidmatan, sasaran keuntungan dan jumlah diskaun perniagaan. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlu merancang, membina item atau instrumen pentaksiran; mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang dicapai berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan SP dan Standard Prestasi (SPi).
- Merancang tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

Tahap Penguasaan Umum

Tahap penguasaan umum merupakan satu bentuk Penyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras pencapaian yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh merekod perkembangan murid dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Jadual 3 menunjukkan Penyataan tahap penguasaan umum.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap	Tafsiran
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh diteladani

Standard Prestasi

PBD dalam KSSM MPV PMPR bertujuan menilai penguasaan murid secara holistik dari aspek kognitif, psikomoto dan afektif dengan merujuk kepada standard prestasi. Pentaksiran untuk KSSM MPV PMPR terbahagi kepada dua iaitu Pentaksiran Berasaskan Standard dan Pentaksiran Berasaskan Projek.

Pentaksiran Berasaskan Standard bagi KSSM MPV PMPR merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang telah dipelajari berdasarkan SPi yang ditetapkan mengikut tahap penguasaan seperti yang dihasratkan. SPi dalam KSSM MPV PMPR dibina sebagai panduan untuk guru membimbing murid seterusnya mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid serta keberkesanan PdP yang dijalankan.

Pentaksiran Berasaskan Projek untuk KSSM MPV PMPR dilaksanakan untuk mengukur kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Pentaksiran ini akan menilai pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran yang dikelompokkan ke dalam satu projek. Projek ini boleh menjadi projek tunggal pada akhir tempoh pembelajaran atau boleh dilakukan pada masa yang ditetapkan sepanjang tempoh pembelajaran berlaku. Pentaksiran ini merupakan aktiviti yang memerlukan murid mengaplikasikan atau

menggunakan suatu pengetahuan dalam situasi sebenar. Ianya dilihat mampu meningkatkan kefahaman murid terhadap suatu ilmu yang dipelajari apabila pengetahuan yang dimiliki bertukar menjadi pengalaman melalui pengaplikasiannya kepada suatu aktiviti yang bermakna seperti menghasilkan perkhidmatan estetik, menghasilkan folio dan kertas cadangan, laporan hasil pemerhatian dan sebagainya.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV PMPR perlu ditentukan pada akhir tingkatan 4 dan 5. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid serta perbincangan profesional bersama rakan sejawat. Jadual 4 menunjukkan Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV PMPR.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV PMPR

TAHAP PENGUSAHAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang Perkhidmatan Estetik dan Penggayaan Rambut.
2	Berupaya memahami pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang Perkhidmatan Estetik dan penggayaan rambut serta mampu menterjemah dan menjelaskannya.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang Perkhidmatan Estetik dan penggayaan rambut dalam sesuatu situasi yang dihadapi.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang Perkhidmatan Estetik dan penggayaan rambut melalui sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan Perkhidmatan Estetik dan penggayaan rambut dalam pelbagai situasi secara sistematik atau mengikut prosedur.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM MPV PMPR digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi) yang perlu dicapai oleh murid seperti Jadual 5.

Jadual 5: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.</p>

Dalam organisasi kandungan, terdapat juga lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

KSSM MPV PMPR ini dirancang untuk diajar minimum 256 jam setahun di setiap Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Peruntukan jam ini termasuk juga masa untuk menjalankan kerja-kerja tugas, projek, amali, lisan dan pelaporan. Kandungan bagi KSSM MPV PMPR diorganisasikan seperti jadual 6.

Jadual 6: Agihan Masa KSSM MPV PMPR Tingkatan 4 dan 5

TINGKATAN 4		JAM
MODUL		
1.0	Pengurusan Salun	40
2.0	Konsultasi Perkhidmatan Estetik	64
3.0	Rawatan Muka	152
JUMLAH JAM MINIMUM SETAHUN		256
TINGKATAN 5		JAM
MODUL		
4.0	Solekan Muka	100
5.0	Penggayaan Rambut	77
6.0	Keusahawanan	79
JUMLAH JAM MINIMUM SETAHUN		256

Kandungan setiap modul disusun mengikut aras kognitif murid iaitu daripada yang mudah kepada sukar. Bagi domain psikomotor, murid melaksanakan aktiviti amali seperti kerja-buat-sendiri, penyelenggaraan, penghasilan projek mengikut prosedur dan etika kerja. Manakala bagi domain afektif, murid didedahkan kepada aspek apresiasi melalui perkongsian idea dan penghayatan hasil perkhidmatan serta amalan nilai murni semasa melaksanakan aktiviti PdP.

Proses kerja dalam KSSM MPV PMPR lebih menekankan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi mencapai objektif setiap modul. Murid yang mengikuti KSSM MPV PMPR akan didedahkan kepada pengaplikasian pengetahuan teras teknikal, kemahiran keboleherjaan dan nilai profesionalisme sepanjang proses PdP. Penerangan setiap modul dalam KSSM MPV PMPR Tingkatan 4 dan 5 adalah seperti Jadual 7 dan 8.

Kaedah pelaksanaan KSSM MPV PMPR adalah secara modular. Modul 1.0 (Pengurusan Salun) dan modul 2.0 (Konsultasi Perkhidmatan Estetik) perlu dilaksanakan mengikut turutan dan ia merupakan prasyarat sebelum melaksanakan modul lain. Prasyarat ini perlu dipatuhi kerana murid perlu didedahkan tentang pengurusan salun dan mempelajari teknik konsultasi perkhidmatan estetik sebagai asas bagi mengikuti modul pembelajaran seterusnya.

Jadual 7: Penerangan Modul KSSM MPV PMPR Tingkatan 4

TINGKATAN 4		
MODUL		PENERANGAN
1.0	Pengurusan Salun	Murid akan dapat menyatakan <i>Standard Operating Procedure</i> Salun (SOP), mematuhi peraturan atau prosedur keselamatan dan kebersihan semasa bekerja di salun serta menyediakan dokumentasi aktiviti penyelenggaraan salun secara manual atau menggunakan aplikasi TMK. Murid juga dapat mengurus stok di salun mengikut prosedur.
2.0	Konsultasi Perkhidmatan Estetik	Murid akan dapat menyatakan etika kerja dan ciri personaliti profesional serta dapat mengamalkan komunikasi berkesan. Murid juga dapat memberikan konsultasi penjagaan muka dan penggayaan diri mengikut keperluan pelanggan.
3.0	Rawatan Muka	Murid akan dapat mengenal pasti ciri setiap jenis kulit muka serta berupaya memilih dan menyediakan bahan dan alatan merawat muka dan terapi muka menggunakan mesin. Murid juga dapat menganalisis kulit muka dan melakukan rawatan muka dan terapi muka menggunakan mesin.

Jadual 8: Penerangan Modul KSSM MPV PMPR Tingkatan 5

Tingkatan 5		
MODUL		PENERANGAN
4.0	Solekan Muka	Murid akan dapat mengenal pasti jenis bentuk muka serta memilih dan menggunakan bahan dan alatan solekan muka mengikut keperluan pelanggan. Murid juga dapat mengkategorikan kumpulan warna serta melakukan solekan asas muka, solekan pembetulan (<i>corrective makeup</i>) dan solekan kreatif mengikut majlis.
5.0	Penggayaan Rambut	Murid akan dapat menerangkan jenis dan ciri rambut serta mengenal pasti jenis penggayaan rambut. Murid juga dapat mencadangkan stail rambut yang sesuai mengikut majlis dan menghasilkan stail rambut kreatif.
6.0	Keusahawanan	Murid akan dapat mempelajari konsep keusahawanan, milikan perniagaan dan prospek kerjaya serta menghasilkan cadangan Rancangan Perniagaan Perkhidmatan Estetik. Murid juga dapat merancang dan melaksanakan projek keusahawanan.

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 4

1.0 PENGURUSAN SALUN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Kawalan Keselamatan dan Kebersihan di Salun	Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan maksud <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> salun kecantikan. 1.1.2 Menerangkan amalan keselamatan dan kebersihan diri Juru Estetik serta kawalan keselamatan dan kebersihan semasa menggunakan alatan, perkakasan, kelengkapan dan ruang kerja di salun. 1.1.3 Menghasilkan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Contoh SOP Salun. • Jenis PPE. Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Mensteril alatan. • Latihan memadam kebakaran. • Merawat kecederaan ringan.
1.2 Penyelenggaraan Salun	1.2.1 Menyelenggara alatan, perkakasan dan kelengkapan serta ruang kerja salun berdasarkan SOP salun. 1.2.2 Menyelia amalan keselamatan dan kebersihan semasa bekerja.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti menyelenggara ruang tempat kerja (Jadual harian/ Mingguan/ berkala).
1.3 Pengurusan Stok	1.3.1 Mengenal pasti kategori stok barang kekal dan stok bahan habis guna. 1.3.2 Menerangkan prosedur pengurusan stok. 1.3.3 Menyemak stok dan mengemas kini kad pengurusan stok.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan stok (beli, rekod, simpan, keluar). • Dokumen pengurusan stok. Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak dan merekod stok.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan maksud <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) salun kecantikan.
2	Menerangkan kategori stok barang kekal dan stok bahan habis guna serta mengemas kini kad pengurusan stok.
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam amalan keselamatan dan kebersihan semasa bekerja di salun.
4	Menyelenggara bahan, alatan, perkakasan, kelengkapan dan ruang kerja salun mengikut kesesuaian.
5	Menyelia amalan keselamatan dan kebersihan salun menggunakan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun.
6	Menghasilkan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun menggunakan aplikasi TMK dengan kreatif dan boleh diteladani.

2.0 KONSULTASI PERKHIDMATAN ESTETIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>2.1 Personaliti Profesional</p> <p>2.2 Komunikasi Berkesan</p> <p>2.3 Konsultasi Pelanggan</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Menerangkan aspek personaliti profesional Juru Estetik dari segi penampilan dan etika kerja.</p> <p>2.1.2 Menampilkan ciri-ciri personaliti profesional dari segi fizikal dan perwatakan semasa bekerja.</p> <p>2.2.1 Menerangkan maksud dan jenis komunikasi.</p> <p>2.2.2 Menerangkan teknik komunikasi dan halangan komunikasi.</p> <p>2.2.3 Mengendalikan pelanggan mengikut situasi yang berbeza.</p> <p>2.3.1 Menerangkan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.</p> <p>2.3.2 Menyediakan bahan dan alatan untuk menganalisis kulit muka.</p> <p>2.3.3 Menganalisis kulit muka pelanggan dan melengkapkan Borang Konsultasi Pelanggan.</p> <p>2.3.4 Membincangkan pakej rawatan berdasarkan hasil analisis kulit muka pelanggan.</p> <p>2.3.5 Mencadangkan pakej Perkhidmatan Estetik mengikut keperluan pelanggan.</p> <p>2.3.6 Menghasilkan brosur pakej perkhidmatan estetik.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai etika kerja profesional Juru Estetik. • Ciri personaliti profesional (fizikal/Perwatakan) <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Simulasi komunikasi mengendalikan pelanggan. • Aktiviti “Telefon Karat” <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur menganalisis kulit muka. • Variasi Pakej perkhidmatan. <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan mereka cipta brosur. • Menganalisis kulit muka dan melengkapkan Borang Rawatan Pelanggan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan aspek yang mempengaruhi penampilan diri profesional Juru Estetik.
2	Menerangkan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di salun kecantikan.
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada berkenaan etika profesional Juru Estetik semasa mengendalikan pelanggan.
4	Menganalisis kulit muka pelanggan mengikut teknik dan prosedur yang betul.
5	Mencadangkan pakej rawatan berdasarkan keperluan kulit muka pelanggan.
6	Menghasilkan brosur pakej perkhidmatan estetik yang kreatif yang boleh diteladani.

3.0 RAWATAN MUKA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>3.1 Rawatan Muka Secara Manual atau Menggunakan Mesin</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menyenaikan ciri setiap jenis kulit muka.</p> <p>3.1.2 Mengenal pasti indikasi dan indikasi kontra rawatan muka.</p> <p>3.1.3 Mengenal pasti jenis bahan dan alatan serta mesin dan kelengkapan untuk rawatan muka.</p> <p>3.1.4 Menerangkan prosedur merawat muka secara manual atau menggunakan mesin.</p> <p>3.1.5 Menyediakan bahan dan alatan serta mesin dan kelengkapan untuk rawatan muka.</p> <p>3.1.6 Menganalisis kulit muka pelanggan menggunakan Lampu Kanta Pembesar (Magnifying Lamp).</p> <p>3.1.7 Menentukan jenis rawatan muka yang bersesuaian dengan keperluan kulit muka dan kehendak pelanggan.</p> <p>3.1.8 Merawat muka secara manual.</p> <p>3.1.9 Merawat muka menggunakan mesin frekuensi tinggi terus, mesin sedut vakum, mesin galvanik atau mesin ultrasound.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis kulit muka: <ul style="list-style-type: none"> ○ Kulit muka jenis normal ○ Kulit muka jenis berminyak ○ Kulit muka jenis kering ○ Kulit muka jenis kombinasi ○ Kulit muka bermasalah • Prosedur merawat muka. • Jenis dan fungsi mesin rawatan muka: <ul style="list-style-type: none"> ○ Mesin frekuensi tinggi terus dan tidak terus ○ Mesin sedut vakum ○ Mesin galvanik ○ Mesin ultrasound <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan konsultasi pelanggan. • Melakukan rawatan muka menggunakan mesin. • Mengurus dan menyelenggara tempat kerja.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan ciri setiap jenis kulit muka.
2	Menjelaskan indikasi dan indikasi kontra rawatan muka.
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam memilih dan menyediakan bahan, alatan, mesin dan Kelengkapan rawatan muka.
4	Menganalisis kulit muka pelanggan menggunakan Lampu Kanta Pembesar dengan teliti.
5	Mencadangkan jenis rawatan muka yang bersesuaian dengan keperluan kulit muka dan kehendak pelanggan.
6	Melakukan rawatan muka menggunakan mesin dengan yakin dan sistematik.

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 5

4.0 SOLEKAN MUKA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Variasi Solekan Muka	Murid boleh: <ul style="list-style-type: none"> 4.1.1 Menenal pasti jenis bentuk muka. 4.1.2 Menenal pasti bahan dan alatan solekan muka. 4.1.3 Menyediakan bahan dan alatan mengikut jenis solekan. 4.1.4 Menerangkan warna solekan muka berdasarkan kategori warna panas, warna sejuk dan koordinasi warna (harmoni/kontras). 4.1.5 Menghasilkan solekan asas muka. 4.1.6 Melakukan <i>corrective makeup</i> mengikut keperluan bentuk muka. 4.1.7 Menghasilkan solekan kreatif mengikut majlis. 	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Gambar jenis bentuk muka. • Rajah <i>corrective makeup</i> (Solekan pembetulan bentuk muka, kening, mata, hidung dan bibir). • Gambar solekan mengikut majlis (Malam Gala, pentas dan pesta). • Gambar solekan personal (Kerjaya, temuduga dan kasual). • Gambar solekan perkahwinan. Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Menonton tayangan slaid atau video variasi solekan. • Melakar <i>corrective makeup</i> mengikut jenis bentuk muka. • Melakukan solekan muka mengikut majlis. • Tunjuk cara solekan kreatif oleh <i>Makeup Artist</i>. • Membuat folio/<i>PowerPoint</i> tajuk solekan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyenaraikan jenis bentuk muka.
2	Menerangkan ciri mengikut jenis bentuk muka.
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada untuk memilih dan menyediakan bahan dan alatan solekan muka mengikut majlis.
4	Mengkategorikan warna solekan muka berdasarkan ton warna.
5	Menghasilkan solekan mengikut majlis mengikut teknik dan prosedur.
6	Menghasilkan solekan mengikut majlis dengan kreatif dan boleh diteladani.

5.0 PENGGAYAAN RAMBUT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>5.1 Variasi Penggayaan Rambut</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Menyatakan jenis dan ciri rambut.</p> <p>5.1.2 Menerangkan prosedur penggayaan rambut menggunakan alat pengering rambut, pengetak, pengikal dan pelurus.</p> <p>5.1.3 Membincangkan jenis gaya rambut yang sesuai mengikut majlis seperti malam gala, pementasan, pesta atau perkahwinan.</p> <p>5.1.4 Menghasilkan lakaran gaya rambut mengikut majlis.</p> <p>5.1.5 Menghasilkan pelbagai stail rambut menggunakan alat pengering rambut, pengetak, pengikal atau pelurus.</p> <p>5.1.6 Menghasilkan gaya rambut kreatif mengikut majlis.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stail rambut mengikut majlis: <ul style="list-style-type: none"> ○ Gambar stail rambut mengikut majlis (Malam Gala, pentas, pesta). ○ Gambar stail rambut personal (Kerjaya, temuduga, kasual). ○ Gambar stail rambut untuk majlis perkahwinan. • Prosedur menstail rambut menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pengering rambut ○ Pengetak elektrik ○ Pengikal elektrik ○ Pelurus elektrik • Gambar stail rambut: <ul style="list-style-type: none"> ○ Jalinan ○ Sanggul ○ Stail rambut kreatif (gabungan beberapa stail). <p>Cadangan Aktiviti: Pertandingan Menggaya Rambut Mengikut Majlis.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyenaraikan jenis dan ciri rambut.
2	Menjelaskan kaedah pengayaan rambut.
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada untuk memilih bahan dan alatan penstail mengikut jenis pengayaan rambut.
4	Melakarkan stail pengayaan rambut pada rajah bentuk muka.
5	Mencadangkan stail rambut mengikut majlis tertentu.
6	Menghasilkan stail pengayaan rambut kreatif mengikut majlis yang boleh diteladani.

6.0 KEUSAHAWANAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
6.1 Keusahawanan	<p>Murid boleh:</p> <p>6.1.1 Menyatakan maksud peniaga dan usahawan.</p> <p>6.1.2 Mengenal pasti ciri dan peranan usahawan.</p> <p>6.1.3 Menerangkan faktor yang dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan dari aspek jenis pemilikan, modal, lokasi, persaingan, potensi perniagaan, undang-undang dan peraturan.</p> <p>6.1.4 Menerangkan agensi yang membantu usahawan dalam bidang latihan dan kewangan seperti MDEC, MARA, TEKUN dan Tabung Ekonomi Belia.</p> <p>6.1.5 Menyediakan komponen rancangan perniagaan berdasarkan aspek pengenalan, pendaftaran perniagaan, pemasaran dan pengurusan kewangan.</p> <p>6.1.6 Membanding beza kaedah pemasaran produk atau perkhidmatan estetik secara konvensional dan teknologi digital.</p> <p>6.1.7 Menyediakan rancangan perniagaan Perkhidmatan Estetik.</p> <p>6.1.8 Merancang dan melaksanakan projek keusahawanan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peranan usahawan kepada diri dan negara. • Faktor memulakan perniagaan. <ul style="list-style-type: none"> ○ Jenis pemilikan, modal, lokasi, persaingan, potensi perniagaan, undang-undang dan peraturan serta jenis pemilikan. • Komponen rancangan perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pengenalan. ○ Pendaftaran perniagaan. ○ Pemasaran (produk, lokasi, sasaran keuntungan, harga produk/ perkhidmatan dan promosi). ○ pengurusan Kewangan. <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid membuat folio usahawan berjaya (TMK). • Murid mengisi Borang Penilaian Potensi Kendiri.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan ciri dan peranan usahawan.
2	Menerangkan faktor yang dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan.
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam menyediakan rancangan perniagaan.
4	Membanding beza kaedah pemasaran produk atau perkhidmatan estetik secara konvensional dan teknologi digital.
5	Menyediakan rancangan perniagaan Perkhidmatan Estetik yang lengkap .
6	Merancang dan melaksanakan projek keusahawanan dengan rasional dan kreatif.

PANEL PENGGUBAL

- | | |
|-------------------------------------|--|
| 1. Tang Yek Ngo | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. Nasrulfiza binti Abdul Rasid | SMK Tun Hussein Onn, Seberang Jaya, Pulau Pinang |
| 3. Nik Masharizan binti Nik Mohamad | SMK Triang, Triang, Pahang |
| 4. Norhayati binti Abdul Halim | SMK Karak, Karak, Pahang |
| 5. Nor Halisa binti Abdullah | SMK Bukit Besi, Dungun, Terengganu |
| 6. Sim Bee Ling | SMK Permai Indah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang |
| 7. Siti Rohani binti Harun | SMK Engku Hussein, Semenyih, Selangor |
| 8. Tan Peg Gee | SMK Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya, Selangor |

TURUT MENYUMBANG

- | | |
|---------------------------------|---|
| 1. Chin Bee Har | Lex Trading, Kuala Lumpur |
| 2. Wong Joon Lian | Issamay School Of Beauty, Selangor |
| 3. Faizura binti Azmi | SMK (P) Taman Petaling, Petaling Jaya, Selangor |
| 4. Nik Naimah binti Abdul Wahab | SMK Bukit Mentok, Bukit Mentok, Kemaman, Terengganu |
| 5. Nurharliza binti Abdul Halim | SMK Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang, Selangor |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah Binti Syed Khalid
Nur Fadia Binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

Pereka Grafik

Siti Zulikha Binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-531-7



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>